



15 APR, 2025

Berikan Sabah Electricity kuasa penyiasatan: Ewon

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Berikan Sabah Electricity kuasa penyiasatan: Ewon

Mohd Izham bin Hashim

KOTA KINABALU: Adun Kadamanian Datuk Ewon Benedick mencadangkan supaya Sabah Electricity (SE) diberikan kuasa penyiasatan di bawah Enakmen Bekalan Elektrik (2024) bagi meningkatkan peranannya dalam menguatkuasakan peraturan tenaga di negeri ini.

Beliau berkata langkah itu penting dalam menangani isu berterusan seperti kecurian elektrik, yang menyebabkan masalah bekalan berulang.

“Sebagai langkah awal, Sabah Electricity perlu diberi kuasa dengan tanggungjawab penguatkuasaan di bawah Akta Bekalan Elektrik 2024, membolehkan Suruhanjaya Tenaga Sabah mewakilkan kuasanya kepada SE untuk perkara berkaitan penguatkuasaan,” katanya semasa berucap di Dewan Undangan Negeri.

Ewon, yang juga Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, menegaskan bahawa bekalan tenaga boleh dipercayai dan tidak terganggu adalah penting untuk pembangunan ekonomi Sabah.

Beliau menegaskan sektor ekonomi dan keusahawanan Sabah amat memerlukan bekalan elektrik yang stabil dan utiliti asas lain untuk memacu pertumbuhan, kekal berdaya saing, dan menarik pelaburan ke negeri ini.



EWON (kedua, kanan) bersama rakan Adun di Dewan Undangan Negeri.

“Saya percaya Kerajaan Sabah sedang mengambil langkah proaktif untuk menambah baik bekalan utiliti, yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan pelaburan,” katanya.

Adun itu juga menggesa pelan jangka panjang untuk Sabah Electricity, lebih-lebih lagi kuasa kawal selia sepenuhnya kini berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Sabah.

“Pemindahan kuasa sepenuhnya kepada Sabah Electricity dalam tempoh tujuh tahun akan datang memerlukan strategi menyeluruh bagi memastikan syarikat itu dapat beroperasi secara bebas dan menjadi pembekal tenaga utama di

Negeri ini,” katanya.

Selain itu, Ewon mencadangkan Sabah Electricity tidak seharusnya bergantung kepada kuasa dibeli daripada Pengeluar Tenaga Bebas (IPP). Sebaliknya, beliau mendcadangkan syarikat itu perlu menjana tenaga sendiri sebagai entiti milik kerajaan.

“Memandangkan tarif elektrik bergantung kepada subsidi kerajaan persekutuan, sudah tiba masanya Kerajaan Sabah menyusun strategi dan mengubah Sabah Electricity menjadi GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan) milik kerajaan negeri, yang mampu menjana tenaga sendiri dan berpotensi disenaraikan di Bursa Malaysia,” katanya.